

**AUDIT PENGURUSAN KEWANGAN BERTEGURAN DI SEKOLAH-SEKOLAH  
NEGERI SELANGOR: SATU TINJAUAN**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**JABATAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN PEJABAT  
PUSAT PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN PENDIDIKAN**

**MENTOR**

**DR. JEFFRI BIN IDRIS**

**PUSAT PENGURUSAN DASAR DAN INOVASI**

## **1. PENDAHULUAN**

Satu daripada tugas utama Pengurus Sekolah/ PGB ialah mengurus kewangan sekolah (SKPMg2). Pengurus sekolah bertanggungjawab sepenuhnya bagi menentukan pengurusan kewangan sekolah dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan kerajaan. Ini selaras dengan salah satu pernyataan yang telah dibentangkan dalam laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 adalah berkaitan dengan pengurusan kewangan yang cekap. Sebagai seorang pegawai atau orang yang diwakilkan kuasa, wajib memastikan urusan kewangan sentiasa dalam keadaan sempurna. Tidak boleh menggunakan alasan tidak tahu peraturan ataupun arahan untuk mengelak daripada dikenakan tindakan jika terdapat ketidakpatuhan terhadap peraturan-peraturan dan undang-undang dalam melaksanakan tugasnya (Arahan Perbendaharaan). Pengurusan kewangan adalah satu proses merancang, mengurus, mengawal selia dan menentukan pengurusan kewangan sekolah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mematuhi prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. (Norazlinda Saad, Surendran Sankaran 2013).

Laporan Audit di keluarkan bagi memenuhi keperluan *International Auditing Guideline* dan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Akaun dan Audit) 2002. Kaedah mengeluarkan laporan penyata kewangan boleh dirujuk dalam mana-mana buku panduan pengauditan di pasaran, garis panduan pengauditan penyata kewangan Jabatan Audit Negara atau mana-mana agensi kerajaan yang dikehendaki menyediakan penyata kewangan. Laporan Berteguran (Bahagian Audit Sekolah) boleh dikeluarkan jika berlaku pelanggaran beberapa peraturan kewangan (Isu PK) walau pun penyata kewangan menunjukkan keadaan benar dan saksama mengikut piawaian yang diluluskan, diamalkan secara konsisten dan mempunyai pendedahan yang mencukupi (Tanpa Teguran). (Bahagian Audit Sekolah, 2020). Proses pengauditan dilakukan oleh Bahagian Audit Sekolah KPM di sekolah-sekolah yang menerima bantuan Geran Per Kapita (PCG) dan bantuan-bantuan lain. Di dalam menentukan kepatuhan peraturan kewangan sekolah, Audit Sekolah telah membahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu:

- i. Pengauditan Penyata Kewangan Sekolah (KWK/KWS/KWA)
- ii. Pengauditan Pengurusan Kewangan Sekolah / Audit Pematuhan

### **1.1 Pengauditan Penyata Kewangan Sekolah**

Objektif Pengauditan Penyata Kewangan Sekolah adalah untuk memastikan Penyata Kewangan yang disediakan lengkap dan seimbang serta mematuhi undang-undang berpandukan polisi

perakaunan yang diterima umum dan digunakan secara konsisten. Manakala skop dan metodologi pengauditan adalah untuk:

- i. Menentukan penerimaan penyata kewangan mengikut undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan
- ii. Mengesahkan penyata yang diterima adalah lengkap dan seimbang
- iii. Mengeluarkan Surat Pengesahan Terimaan Penyata Kewangan sekiranya penyata kewangan yang diterima adalah lengkap dan seimbang
- iv. Mengeluarkan Surat Pemulangan sekiranya penyata kewangan yang diterima adalah tidak lengkap atau tidak seimbang
- v. Mengeluarkan Surat Peringatan sekiranya penyata kewangan tidak diterima sehingga 31 Mac

Penarafan yang dikeluarkan terhadap pengauditan Penyata Kewangan Sekolah adalah:

- i. Laporan Tanpa Teguran
- ii. Laporan Tanpa Teguran (Emphasis Of Matter)
- iii. Laporan Berteguran
- iv. Laporan Bertentangan
- v. Laporan Tanpa Pendapat

## **1.2 Pengauditan Pengurusan Kewangan Sekolah Atau Audit Pematuhan**

Objektif pengauditan pengurusan kewangan atau audit pematuhan adalah untuk memastikan sama ada:

- i. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan
- ii. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang mantap
- iii. Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan
- iv. Rekod yang berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini

## **2. PERNYATAAN MASALAH KAJIAN**

Di dalam penentuan tahap pengurusan kewangan sekolah KPM melalui Bahagian Audit Sekolah (BAS) membuat pgauditan secara tahunan. Penarafan pengurusan kewangan terhadap penyata kewangan sekolah terbahagi kepada dua jenis iaitu status berteguran dan tidak berteguran. Umumnya bagi sekolah yang mendapat penarafan laporan penyata kewangan berstatus audit berteguran mengambarkan berlakunya ketidakakuruan terhadap pematuhan undang-undang dan peraturan dalam pengurusan kewangan sekolah.

Setiap tahun kerajaan memperuntukan sumber kewangan kepada sekolah untuk tujuan keberhasilan murid yang disalurkan melalui KPM. Bantuan khusus disalurkan kepada murid tertentu yang layak sementara bantuan umum kepada semua murid berstatus warganegara. Oleh yang demikian peruntukan ini seharus diuruskan oleh pengurus sekolah demi mencapai hasrat yang ditetapkan oleh kerajaan. Menurut Husaina, Ranjeetham dan Muhammad Faizal (2015), Guru Besar perlu mengurus kewangan sekolah mengikut panduan yang dinyatakan dalam Buku Panduan Kewangan Sekolah, arahan perbendaharaan, surat-surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri bagi memastikan objektif KPM tercapai. Pengurus sekolah adalah bertanggungjawab menentukan pengurusan kewangan sekolah cekap dan berkesan. Ini selaras dengan konsep akauntabiliti iaitu kewajipan penjawat awam dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan mengikut undang-undang, prosedur dan arahan yang berkuat kuasa yang ditetapkan demi keberkesanan tugas (TPPKWS, 2012). Pengurusan kewangan yang bersistematis sudah pasti memberi impak positif terhadap perjalanan pengurusan organisasi atau sekolah secara keseluruhannya. Bahkan, pengurusan kewangan yang berkesan dapat mengelak sebarang pembaziran dan penyelewengan daripada berlaku (Mohd Richard Neles Abdullah, 2013). Ketidakberkesanan pengurusan kewangan ini sudah pasti akan membawa kepada masalah yang lebih besar dalam usaha mencapai hasrat KPM terhadap keberhasilan murid.

Data dari Bahagian Audit menunjukkan terdapat penurunan bilangan sekolah yang status audit berteguran daripada 907 buah sekolah pada tahun 2017 menurun ke 714 buah sekolah pada tahun 2018. Namun begitu, Negeri Selangor menunjukkan peningkatan yang tertinggi bilangan sekolah yang mendapat audit berteguran penyata kewangan sekolah iaitu 23.11% pada tahun 2018 berbanding 16.21% pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak 6.90%. Daripada 23.11% sekolah

yang mendapat audit berteguran penyata kewangan ini sebanyak 14% (23 buah) sekolah di Selangor mendapat audit tahap kurang memuaskan, manakala 86% (142 buah) sekolah yang mendapat pengurusan baik dan memuaskan. Oleh itu satu tinjauan perlu dilaksanakan untuk mengenalpasti punca peningkatan, aspek kawalan pengurusan kewangan yang menyebabkan audit berteguran dan mengetahui punca-punca berlakunya ketidakakuruan terhadap prosedur kewangan. (Bahagian Audit Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Menurut A Hamid Hussain 2012, masalah dan kelemahan yang wujud dalam pengurusan kewangan sekolah disebabkan oleh faktor-faktor berikut iaitu kawalan dalaman yang lemah, urusan diserahkan kepada Pembantu Tadbir, guru besar tidak faham prosedur kewangan, kurang latihan dan kepakaran dan tidak cukup masa dalam pengurusan kewangan. Dapatkan kajian Norfariza et. al (2013), mendapati kekurangan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam pengurusan kewangan oleh pengurus sekolah sendiri. Begitu juga dapatkan kajian oleh Jamri Ronggitom, (2006) yang mendapati diantara masalah-masalah dalam pengurusan kewangan termasuklah kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan pengetua dan kekurangan kerani kewangan yang mahir.

### **3. OBJEKTIF KAJIAN**

- a. Mengenalpasti aspek kawalan pengurusan kewangan yang menyebabkan audit berteguran di sekolah-sekolah Negeri Selangor.
- b. Meneroka punca-punca berlakunya ketidakakuruan terhadap prosedur kewangan Negeri Selangor.


### **4. SOALAN KAJIAN**

- a. Apakah aspek kawalan pengurusan kewangan yang menyebabkan audit berteguran di sekolah-sekolah Negeri Selangor?
- b. Apakah punca-punca berlakunya ketidakakuruan terhadap prosedur kewangan di sekolah-sekolah Negeri Selangor?

### **5. KERANGKA KAJIAN**

Skop dan dapatan pengauditan yang dilaksanakan oleh Bahagian Audit Sekolah KPM dipilih sebagai rujukan oleh pengkaji kerana mengandungi elemen-elemen penting dalam aspek kawalan pengurusan kewangan. Terdapat empat (4) elemen penting iaitu

Pengurusan Am, Pengurusan Terimaan dan Pungutan, Pengurusan Perolehan dan Bayaran serta Pengurusan Aset dan Stor dalam pengurusan kewangan sekolah yang boleh mempengaruhi penarafan audit sekiranya berlaku ketidakakururan.



Kerangka Kajian- Diadaptasi dari skop dan dapatan pengauditan oleh Bahagian Audit Sekolah

## 6. TINJAUAN LITERATUR

Pada tahun 2018, terdapat sebanyak 10,202 buah sekolah diseluruh negara. telah diaudit oleh Bahagian Audit Sekolah KPM. Jadual 1 menunjukkan bilangan sekolah mengikut negeri yang telah di audit. Berdasarkan jadual 1 pada tahun 2018, sebanyak 714 buah sekolah mendapat status berteguran penyata kewangan dengan negeri Selangor mencatat jumlah yang tertinggi iaitu 165 buah sekolah atau 23.11%. Jadual 2 pula menunjukkan bilangan sekolah yang diberi status berteguran penyata kewangan bagi tahun 2017 dan 2018. Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhan berlaku penurunan status berteguran penyata kewangan bagi tahun 2018 berbanding

tahun 2017 sebanyak 21.28%. Namun begitu berlaku peningkatan yang ketara status berteguran penyata kewangan bagi negeri Selangor iaitu 16.21% pada tahun 2017 meningkat kepada 23.11% pada tahun 2018, peningkatan sebanyak 6.9%.

Kajian oleh Norazlinda dan Surendran (2015) melalui pendekatan analisis Penyata Audit dan dokumen kewangan di Sekolah SMK harian di negeri Kedah mendapati pelbagai kelemahan dalam penyelenggaraan dokumen dan rekod serta penyediaan penyata kewangan. Selain itu dapatan kajian juga menunjukkan antara faktor ketidakpatuhan pengurusan kewangan adalah disebabkan oleh pengetahuan, kemahiran dan sikap pihak yang diamanahkan menguruskan kewangan seperti PGB, guru penolong kanan pentadbiran dan pembantu tadbir (kewangan) serta juru audit dalam sekolah. Faktor sikap PGB yang terlalu bergantung kepada pembantu tadbir juga antara penyebab kepada pengurusan kewangan sekolah yang lemah (Fauzi et. al, 2018).

Menurut Muhammad Faizal et. al, (2010) bagi memastikan pengurusan kewangan sekolah diurus dengan berakauntabiliti PGB perlu menyediakan satu sistem kawalan dalaman (SKD). Walaupun begitu perkara ini memang telah termaktub dalam Tatacara Pengurusan Kewangan Kumpulan Wang Sekolah yang perlu diikuti oleh PGB dalam mengurus kewangan sekolah. Walaupun begitu kajian Muhammad Faizal et. al, (2010) mendapati bahawa juru audit dalam sekolah biasanya terdiri daripada guru Prinsip Akaun yang tidak mempunyai masa untuk melaksanakan tugas pengauditan kewangan kerana perlu menumpukan perhatian terhadap persediaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah serta melaksanakan tugas-tugas lain.

Kajian oleh Fauzi Hussin (2018) dibuat secara kualitatif ke atas 23 orang guru besar di Negeri Perlis, Pulau Pinang, Kedah dan Perak Utara mendapati ke semua guru besar mempunyai tahap kefahaman yang jelas dan mengetahui jenis-jenis akaun sekolah dan apa-apa yang terkandung dalam setiap akaun berkenaan (Akaun KWK, SUWA, ASRAMA) tetapi sebahagian guru besar tidak dapat menjelaskan secara terperinci tatacara pengiraan dan kaedah merekodkan maklumat berkaitan dengan perakaunan sekolah. Terdapat sedikit perbezaan tahap kefahaman antara guru besar dari sudut pengalaman dan pengetahuan mereka dalam menguruskan kewangan dan perakaunan sekolah, tetapi tidak ada bukti yang jelas menunjukkan bahawa wujud perbezaan kefahaman berdasarkan jantina guru besar. Seorang kerani perakunan yang berpengalaman amat membantu tugas-tugas guru besar dalam mengurus kewangan dan perakunan sekolah. Faktor sikap juga penting kerana ada sebahagian kecil guru besar yang kurang memberi penelitian serius

dalam mengurus kewangan dan perakaunan sekolah, sebaliknya hanya menandatangani sesuatu dokumen tertentu kerana terlalu mengharapkan kebolehan kerani kewangan yang dilantik.

Menurut A.Hamid Hussin (2012) dalam kajiannya ke atas guru besar di daerah Kota Tinggi, Johor mendapati masalah dan kelemahan yang wujud dalam pengurusan kewangan sekolah disebabkan oleh faktor-faktor berikut iaitu kawalan dalaman yang lemah, urusan diserahkan kepada pembantu tadbir, guru besar tidak faham prosedur kewangan, kurang latihan dan kepakaran serta tidak cukup masa dalam pengurusan kewangan.

Pada tahun 2018, terdapat sebanyak 10,202 buah sekolah diseluruh negara. telah diaudit oleh Bahagian Audit Sekolah KPM. Jadual 1 menunjukkan bilangan sekolah mengikut negeri yang telah di audit. Berdasarkan jadual 1 pada tahun 2018, sebanyak 714 buah sekolah mendapat status berteguran penyata kewangan dengan negeri Selangor mencatat jumlah yang tertinggi iaitu 165 buah sekolah atau 23.11%. Jadual 2 pula menunjukkan bilangan sekolah yang diberi status berteguran penyata kewangan bagi tahun 2017 dan 2018. Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhan berlaku penurunan status berteguran penyata kewangan bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 sebanyak 21.28%. Namun begitu berlaku peningkatan yang ketara status berteguran penyata kewangan bagi negeri Selangor iaitu 16.21% pada tahun 2017 meningkat kepada 23.11% pada tahun 2018, dengan peningkatan sebanyak 6.9%.

**JADUAL 1: BILANGAN SEKOLAH YANG DI AUDIT MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2018**

NEGERI	BILANGAN SEKOLAH	STATUS AUDIT																			
		TANPA TEGURAN					BERTENTANGAN					JUMLAH	BERTEGURAN								
		C	B	M	KM	TM	TB	C	M	KM	TM		C	B	M	KM	TM				
W.P Putrajaya	25	10	8	3								21	1	3			4		25		
W.P Kuala Lumpur	298	124	118	19			3					264	1	14	12	7		34		298	
W.P Labuan	27	19	5	3								27						0		27	
Selangor	938	231	406	128	8							773	34	108	23			165		938	
Negeri Sembilan	475	119	219	97	4							439			21	10	5	36		475	
Melaka	314	7	56	233								296			16	1	17		1	314	
Johor	1186	103	670	304	9							1086	9	65	20	6	100			1186	
Perak	1102	376	560	121	1							1058			32	10	1	43	1	1102	
Kedah	748	241	341	86	8							676	13	38	18	3	72			748	
Pulau Pinang	399	35	91	227	7				1			361			31	7		38		399	
Perlis	104	8	84	8								100			4			4		104	
Pahang	739	201	408	86	2							697	4	31	6	1	42			739	
Terengganu	502	145	274	69	3							491			3	6	2	11		502	
Kelantan	594	251	260	73	4							588			3	3		6		594	
Sabah	1294	571	361	264	20		1	2	1			1220	3	19	24	5	61	1	12	1294	
Sarawak	1457	357	604	345	3	1	1	2				1313	13	48	17	3	81		63	1457	
<b>JUMLAH</b>	<b>10202</b>	<b>2798</b>	<b>4465</b>	<b>2066</b>	<b>69</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>9410</b>	<b>1</b>	<b>91</b>	<b>418</b>	<b>167</b>	<b>7</b>	<b>714</b>	<b>2</b>	<b>76</b>	<b>10202</b>

(Sumber: Bahagian Audit Sekolah KPM)

C = Cemerlang  
Cemerlang

TM = Tidak memuaskan

TB = Tidak Berkaitan {Termasuk Tanpa Pendapat di Perak  
(1) dan Sabah (1)}

B = Baik  
M = memuaskan

KM = Kurang memuaskan

**JADUAL 2**  
**BILANGAN SEKOLAH YANG DIBERI STATUS BERTEGURAN PENYATA KEWANGAN**

NEGERI	TAHUN 2017		TAHUN 2018		BEZ A
	BIL SEK	PERATUS	BIL. SEK.	PERATUS	
W.P Putrajaya	1	0.11	4	0.56	0.45
W.P Kuala Lumpur	43	4.74	34	4.76	0.02
W.P Labuan	2	0.22	0	0.00	-0.22
Selangor	147	16.21	165	23.11	6.90
Negeri Sembilan	28	3.09	36	5.04	1.95
Melaka	22	2.43	17	2.38	-0.04
Johor	143	15.77	100	14.01	-1.76
Perak	34	3.75	43	6.02	2.27
Kedah	81	8.93	72	10.08	1.15
Pulau Pinang	68	7.50	38	5.32	-2.18
Perlis	8	0.88	4	0.56	-0.32
Pahang	48	5.29	42	5.88	0.59
Terengganu	17	1.87	11	1.54	-0.33
Kelantan	19	2.09	6	0.84	-1.25
Sabah	86	9.48	61	8.54	-0.94
Sarawak	160	17.64	81	11.34	-6.30
<b>JUMLAH</b>	<b>907</b>	<b>100.00</b>	<b>714</b>	<b>100.00</b>	<b>-</b>
					21.28

(Sumber: Bahagian Audit Sekolah KPM)

**JADUAL 3**  
**SEKOLAH AUDIT BERTEGURAN PENYATA KEWANGAN DI NEGERI SELANGOR 2018**

<b>Jenis Sekolah</b>	<b>Penarafan Audit Pengurusan Kewangan (Bilangan Sekolah)</b>					
	<b>Cemerlang</b>	<b>Bai k</b>	<b>Memuaskan</b>	<b>Kurang Memuaskan</b>	<b>Tidak Memuaskan</b>	<b>Jumla h</b>
<b>SK</b>		20	44	13		77
<b>SJKC</b>		1	8	2		11
<b>SJKT</b>		1	19	2		22
<b>SM</b>		11	34	4		49
<b>SMT/SMV</b>		1				1
<b>SABK</b>			2	2		4
<b>SMKA</b>				1		1
<b>JUMLAH</b>		34	108	23		165

(Sumber: Bahagian Audit Sekolah KPM)

Jadual 3 pula menunjukkan bilangan penarafan audit pengurusan kewangan yang mendapat status berteguran penyata kewangan di Negeri Selangor pada tahun 2018. Berdasarkan Jadual 3, sebanyak 34 buah sekolah mengapat status baik, 108 buah sekolah status memuaskan dan 23 buah sekolah status kurang memuaskan dan tiada status cemerlang dan tidak memuaskan bagi audit pengurusan kewangan. Berdasarkan Jadual 1 dan Jadual 2, dapat dilihat di negeri Selangor penyumbang terbesar terhadap status audit berteguran penyata kewangan sekolah pada tahun 2017 dan 2018. Bagi tempoh kewangan tahun 2018, didapati prestasi pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah kurang menunjukkan kemajuan kerana bilangan ketidakpatuhan terhadap peraturan dan penyelenggaraan rekod kewangan semakin meningkat. Sijil Audit Berteguran dikeluarkan kepada sekolah yang tidak mematuhi tatacara seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 12, Peraturan-peraturan Pendidikan (Akaun dan Audit) 2002 dan tidak menyelenggarakan rekod kewangan dengan teratur. Oleh itu satu tinjauan perlu dilaksanakan untuk mengenalpasti punca peningkatan, aspek kawalan pengurusan kewangan yang menyebabkan audit berteguran dan mengetahui punca-punca berlakunya ketidakakuruan terhadap prosedur kewangan.

## **7. METODOLOGI KAJIAN**

### **7.1 Rekabentuk Kajian**

Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang terlibat dalam sesuatu kajian. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif.

### **7.2 Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan protokol temu bual yang dibina iaitu merupakan senarai soalan dan panduan perbualan berbentuk kerangka perancangan atau senarai semak soalan yang ditulis terlebih dahulu sebelum penemu bual atau pengkaji turun ke lapangan (Seidman 2019; Yin 2017). Kebaikan protokol temu bual ialah pengkaji dapat mengumpul data secara langsung sama ada secara bersemuka atau tidak bersemuka (seperti melalui telefon) dalam suasana aktif (Liampultong 2014). Temu bual dilakukan secara lisan dan jawapan direkod secara bertulis, melalui rakaman suara, video dan media elektronik lain yang bersesuaian. (Chua Yan Piaw, 2010). Kaedah temu bual berstruktur dijalankan iaitu mengikut senarai soalan yang perlu dijawab oleh responden. Soalan adalah sama bagi setiap responden supaya maklumat yang dikumpul dapat dibezakan dengan tepat. Satu set soalan disediakan yang selaras dengan objektif kajian. Dalam kajian ini (Jasmi, 2010), satu instrumen temu bual separuh struktur disiapkan setelah mengambilkira semua aspek pengurusan kewangan sekolah agar terdapat keselarasan antara objektif kajian dan tema dengan soalan kajian (Lambiran A). Keesahan ini sangat penting sebagai salah satu daripada pengesahan penyelidikan kualitatif (Houghton et al. 2013). Pengesahan pakar bidang, penyelidik dan penyelidik bersama dalam kajian ini juga salah satu bentuk kebolehpercayaan data kerana menurut Bogdan dan Biklen (2003) bahawa salah satu daripada kesahan data kualitatif adalah melalui pengesahan pakar bidang dan penyelidik bersama terhadap keteraturan kajian yang dilakukan. Soalan mengandungi item-item aspek kawalan pengurusan kewangan dan punca-punca berlakunya ketidakakuratan terhadap prosedur kewangan.

Temu bual melibatkan perbualan antara penyelidik dengan responden (PGB) yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang relevan tertumpu kepada punca-punca berlakunya ketidakakuruan terhadap prosedur kewangan. Dengan merujuk kepada ‘Model Responsif Temu Bual’ (Responsive Interviewing Model) yang dipelopori oleh Rubin dan Rubin (2011) sebagai panduan, pengkaji dibenarkan untuk melakukan penyesuaian ke atas soalan formal bergantung kepada maklum balas yang diterima. Pengkaji berpeluang mengubah soalan berdasarkan maklumat yang diperoleh bagi menpat maklumat baru, dan berpeluangmeneroka dengan lebih menalam melalui soalan tambahan secara spontan untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan jawapan responden kajian. Tindakan melanjutkan perbualan mengenai topik tertentu juga memberi peluang kepada responden menjawab dengan panjang lebar dan terperinci. Contohnya bagi menyatakan perasaan serta pendapat tambahan mereka yang tidak disenaraikan dalam protokol temu bual..Kaedah pengumpulan data sebegini juga bersesuaian dengan pendapat Merriam (2015) yang menyatakan pengkaji merupaskan instrument utama dalam pengumpulan dan penganalisisan data yang benar-benar relevan dengan kajian. Pernyataan ini disokong oleh Seidman (2019) yang berpendapat, *‘berbekalkan alat mental yang berbentuk kerangka perancangan umum, pengkaji perlu bersikap terbuka dan fleksibel kerana lazimnya proyokol temu bual akan mengalami pengubahsuaian semasa kajian dijalankan untuk memperoleh dapatan lebih menyeuruh’*.

Pengkaji telah membuat semakan dokumen untuk menjawab soalan kajian bagi mengukuhkan kesahan dan kebolehpercayaan data kajian. Analisis dokumen adalah penting bagi membuat triangulasi antara kaedah pengumpulan data dalam kajian pengkaji kerana ianya dapat menyokong bukti daripada pelbagai sumber bagi membantu mengesahkan dapatan data kajian melalui temu bual. Analisis dokumen menjadi data asas kajian dan perlu dianalisis dengan teliti dan secara kualitatif (Noraini Idris, 2010). Analisis dokumen pengkaji dalam kajian ini adalah daripada Laporan Setiausaha Bahagian Audit Sekolah Mengenai Penyata dan Pengurusan Kewangan.

Pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian membuat catatan tambahan semasa sesi temu bual bagi melihat aspek gerak geri, bahasa badan dan reaksi semasa menjawab soalan temu bual. Menurut Noraini Idris (2010), pemerhatian juga dilakukan dalam aspek gerak geri, komunikasi badan dan mimik muka semasa sesi temu bual. Selain daripada itu, pemerhatian juga dapat memberikan pandangan yang jelas tentang amalan PGB dalam mengurus kewangan sekolah (Marzita Abu Bakar, 2010). Pemerhatian juga dijalankan apabila pengkaji melihat aktiviti pengurus sekolah dalam pengurusan kewangan di sekolah.

### **7.3 Kaedah Persampelan**

Populasi kajian adalah 165 buah sekolah yang mendapat audit berteguran Penyata Kewangan di negeri Selangor tahun 2018. Kajian kualitatif tidak memerlukan bilangan responden yang banyak tetapi memperolehi maklumat yang berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil dalam satu kumpulan (Hamzah, 2010). Jika merujuk kepada bidang sains sosial, minimum jumlah sampel bagi penyelidikan kuantitatif adalah sebanyak 384 dengan jumlah populasi 1000000 (Krejcie dan Morgan, 1970). Manakala minimum jumlah sampel bagi penyelidikan kualitatif adalah sebanyak 15 (Bertaux, 1981; Guest et al, 2006). Dalam kajian kualitatif, saiz sampel sebanyak 5 subjek boleh diterima untuk data demografi yang sama ( Chua, 2011). Namun jika terdapat demografi berlainan, maka saiz sampel harus diperbesarkan sehingga 15 atau 30 subjek (Bertaux, 1981; Guest et al, 2006). Oleh itu, dalam kajian ini pemilihan sampel adalah menggunakan kaedah persampelan bertujuan jenis homogenus kerana responden mempunyai karakteristik yang sama. (Creswell, 2015). Bilangan responden yang ditemubual adalah seramai lima (5) orang dan bilangan ini memadai sebagaimana cadangan oleh Creswell (1998).

### **7.4 Kaedah Analisis Data**

Secara dasarnya, kesemua data-data temu bual dianalisis dengan membuat transkripsi dan dianalisis secara manual menggunakan *Microsoft Excel* dengan memberi kod dan memberi tema-tema yang khusus sesuai dengan objektif kajian kecuali percakapan yang

tidak memberikan sebarang maksud seperti *ha*, *emm* dan sebarang bentuk lafaz yang samar dan tidak jelas. Dapatan dari semakan dokumen laporan audit pula dikelompokan mengikut aspek kawalan pengurusan am, kawalan pengurusan terimaan dan pungutan, kawalan pengurusan perolehan dan bayaran serta kawalan pengurusan aset.

## **8. DAPATAN KAJIAN**

Keseluruhan perbincangan mengenai dapatan kajian dibahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama perbincangan berdasarkan dapatan kajian bagi persoalan kajian 1, manakala bahagian kedua perbincangan dapatan kajian berdasarkan dapatan kajian bagi persoalan kajian 2. Data diperoleh melalui tiga sumber iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Keseluruhan dapatan kajian ini adalah hasil daripada temu bual ke atas dua (2) orang pengetua dan tiga (3) orang guru besar, pemerhatian semasa sesi temu bual dan analisis dokumen kewangan serta laporan audit pengurusan kewangan sekolah.

### **8.1 Apakah aspek kawalan pengurusan kewangan yang menyebabkan audit berteguran di sekolah-sekolah Negeri Selangor?**

Hasil daripada analisis data didapati terdapat lima (5) aspek utama kawalan pengurusan kewangan yang menyebabkan audit berteguran iaitu kawalan pengurusan am, kawalan terimaan dan pungutan, kawalan perbelanjaan dan bayaran, pengurusan aset dan penyata kewangan sekolah. Berdasarkan Jadual 4, didapati aspek kelemahan adalah lebih berbentuk teknikal dan kecuaian dalam menguruskan kewangan di sekolah. Selaku penjawat awam kecuaian dalam melaksanakan tanggungjawabnya, berdasarkan Arahan Perbendaharaan adalah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18, Akta Prosedur Kewangan 1957. Aspek kawalan pengurusan kewangan yang boleh menyebabkan audit berteguran dapat diuraikan seperti berikut:

Jadual 4: Analisis Dapatan Temu Bual, Pemerhatian dan Semakan Dokumen

BIL.	ASPEK KAWALAN	KELEMAHAN
1	Pengurusan Am	Pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan seperti Arahan Perbendaharaan Mesyuarat JPKA Penyerahan rekod/dokumen kewangan untuk pagauditian Surat lantikan
2	Penyata Kewangan	Kunci Kira-Kira tidak seimbang dan tidak lengkap, Kesilapan mengisyihar amaun Angka bandingan yang dikemukakan tidak tepat
3	Pengurusan Terimaan/ Pungutan	Pungutan tidak mengikut tatacara Resit tidak dikeluarkan Resit tidak lengkap Terimaan tidak dibankkan
4	Pengurusan Perbelanjaan dan Bayaran	Cek buka palang Pembayaran kepada penerima yang tidak sah Pengagihan KWAPM dan bantuan pakaian seragam lewat Pesanan sekolah Tiada kajian pasaran Dokumen sokongan Baucar bayaran Bayaran lewat
5	Pengurusan aset	Perekodan Aset
6	Lain-lain	ID dan kata laluan eSPKWS dikongsi

### **a. Pengurusan Am**

Berdasarkan Jadual 4, kelemahan aspek pengurusan am adalah pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan. Dapatan kajian menunjukkan pemeriksaan mengejut ada dilakukan tetapi sekadar menurunkan tandatangan sahaja dan tertumpu kepada pemeriksaan panjar wang runcit. Semasa sesi temu bual dijalankan responden memberikan jawapan seperti berikut:

*'Bila buat pemeriksaan mengejut ni saya tulis laporan, tapi selalunya saya hanya tandatangan sahaja buku pemeriksaan mengejut'*

Pemeriksaan mengejut juga tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu sekali dalam tempoh enam (6) bulan tetapi dilakukan dua (2) kali setahun.

*'Saya ada buat pemeriksaan mengejut dua kali setahun.  
Selama ini itu yang saya faham'*

Dalam aspek mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) didapati mesyuarat tidak dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan, responden lebih berfokus kepada bilangan mesyuarat sebanyak empat (4) kali setahun. Mengikut tatacara pengurusan kewangan, mesyuarat JPKA hendaklah diadakan sekali selepas setiap sukuan tahun.

*'Saya ada menpengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) sebanyak 4 kali setahun. Tapi... tak pasti samada selepas setiap sukuan tahun atau tidak'.*

Untuk memastikan kenyataan responden, semakan dokeumen telah dilakukan dan didapati kekerapan mesyuarat tidak mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu mesyuarat JPKA dilaksanakan pada bulan Januari, Mac, Julai dan November, yang sepatutnya dilaksanakan pada bulan Januari/Februari bagi sukuan keempat, April/Mei bagi sukuan pertama, Julai/Ogos bagi sukuan kedua dan Oktober/November bagi sukuan ketiga.

Terdapat juga kelemahan dari aspek lantikan ahli jawatankuasa JPKA termasuk lantikan juru audit dalam iaitu lantikan tidak dibuat secara bertulis.

*'Ada lantik juru audit dalam tapi beliau pun tak tahu nak buat apa. Lepas ini saya akan minta PT keluar surat lantikkan audit biar ada lantikan rasmi'*

Semakan dokumen menunjukan tiada surat lantikan dan lantikan juru audit dalam hanya di senaraikan dalam buku pengurusan sekolah. Merujuk perenggan 2.8 (a) Tatacara Pengurusan Perakuanan Kumpulan Wang Sekolah (TPPKWS), Pengurus Sekolah bertanggungjawab menyedia dan mengemukakan semua rekod/dokumen kepada Pejabat Audit Sekolah. Kajian mendapati pihak sekolah gagal mengemukakan dokumen berikut untuk diaudit:

- i. Surat latitikan Juruaudit Dalam Sekolah
- ii. Surat Kuasa Memungut Wang

Pihak pengurusan sekolah juga tidak mengemukakan rekod kewangan iaitu Akaun Subsidiari peruntukan Teras bagi butiran Lain-lain Mata Pelajaran dan peruntukan Wajib bagi butiran peruntukan Wajib dan bacar bayaran KWK 017/2018.

### **b. Penyata Kewangan**

Bagi menentukan Penyata Kewangan Sekolah menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama Audit telah dijalankan terhadap penyata kewangan dan rekod/dokumen kewangan. Kajian mendapati:

- i. Penyata Kewangan iaitu Kunci Kira-Kira yang diakaunkan tidak seimbang  
Dapatkan kajian menunjukan Kunci Kira-Kira tidak seimbang berdasarkan jumlah Aset/Liabiliti Bersih RM9,433.83 berbanding jumlah sebenar berjumlah RM9.733.83 seperti yang direkodkan.
- ii. Penyata Kewangan yang diserahkan tidak lengkap

Penyata Kewangan Tahunan yang dikemukakan tidak disediakan dengan lengkap iaitu Lampiran A (3), A (4) dan A (5) bagi penyata Penyesuaian Bank Kumpulan Wang Kerajaan (KWK) dan Lampiran A (3) dan A (5) bagi Penyata Penyesuaian Bank Kumpulan Wang SUWA ( KWS)

iii. Kesilapan mengisyihar amaun di Penyata Kewangan

Dapatan dari semakan dokumen didapati terdapat kesilapan mengisyihar amaun di Penyata Kewangan KWK dan KWS iaitu tidak mengisyihar jumlah Deposit Dibayar di Kunci Kira-Kira di KWK berjumlah RM0 sepatutnya RM300, tidak mengisyihar jumlah baki wang di bank di Penyata Penerimaan dan Pembayaran KWK berjumlah RM9,433.83, tidak mengisyihar perihal Deposit dibayar di Nota Kepada Akaun KWK dengan lengkap dan tepat kerana tiada direkod butiran No Resit/Baucar berjumlah RM300.00. Dapatan kaian juga mendapati terdapat kesilapan mengisyihar jumlah baki awal di nota kepada Akaun Kumpulan Wang Terkumpulan KWS bagi lajur kantin berjumlah RM1,288.52 berbanding jumlah sebenar RM1,234.35, dan lajur Pelbagai berjumlah RM48.00 berbanding jumlah sebenar RM42.17 dan kesilapan mengisyihar jumlah baki akhir di Nota Kepada Akaun Kumpulan wang terkumpul KWS bagi lajur Kantin berjumlah RM3,445.54 berbanding jumlah sebenar RM3,451.37 dan bagi lajur Pelbagai berjumlah RM60.00 berbanding jumlah sebenar RM54.17.

iv. Angka bandingan di Penyata Kewangan yang dikemukakan tidak tepat (KWK dan KWS)

Kajian mendapati jumlah angka bandingan di Penyata Kewangan Tahunan sekolah bagi KWS berbeza dengan amaun tahun sebelum di Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan. KWS bagi lajur MSSM berjumlah RM2,964.46 berbanding jumlah sebenar RM2,958.63 dan lajur Pelbagai berjumlah RM800.00 berbanding jumlah sebenar RM805.83. Didapati juga perbezaan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran KWS bagi lajur MSSM berjumlah RM2,964.46 berbanding jumlah sebenar RM2,958.68.

### **c. Pengurusan Terimaan dan Pungutan**

Dapatan kajian menunjukkan terdapat kelemahan dalam pengisian resit rasmi pejabat iaitu terdapat tiga belas (13) helai Resit Rami Pejabat yang dikeluarkan tidak diisi dengan tarikh, terimaan tidak dikeluarkan resit dan pengeluaran resit bagi cek batal. Merujuk perenggan 5.11.1 (a) TPPKWS, cek yang tamat tempoh laku atau rosak dan telah direkod dalam Buku Tunai hendaklah dibatal dan satu resit dikeluarkan mengikut kumpulan wang atas nama jawatan Pengurus Sekolah. Didapati Cek Batal bernombor 319594 berjumlah RM62,100.00 tidak dibuat terimaan semula sengan mengelurkan resit dai rekod di Buka Tunai.

Kajian juga mendapati terdapat penerimaan yang tidak mengikut tatacara yang ditetapkan contohnya berkaitan dengan penerimaan sewa kantin. Didapati bayaran sewa kantin yang diterima menggunakan wang pos tetapi tiada bukti penerimaan. Ini berdasarkan kenyataan responden iaitu:

*'Berkaitan dengan sewa kantin tu dulu... pembayaran wang pos kena cash dulu baru masuk bank. Bila kerani minta salinan bank dia jawap takde. Bila sampai bank statement baru tahu dia tak bank in pun'.*

Hasil pemerhatian tiada Notis pemberitahuan untuk mendapat resit tidak dipamerkan {AP61}.

### **d. Pengurusan Perbelanjaan dan Bayaran**

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunan dengan tepat, temu bual dan semakan dokumen berfokus lima (5) aspek utama iaitu dokumen pembayaran, pengurusan perolehan, pengurusan bayaran, Akan Belum Bayar dan pengurusan akaun. Setelah data temu bual di temakan terdapat lapan (8) kelemahan seperti berikut:

i. Pesanan Sekolah.

Didapati sejumlah perolehan (RM36,186) pihak sekolah tidak mengeluarkan Pesanan Sekolah sebelum membuat perolehan. Semakan terhadap dokumen kewangan mendapati Borang Pesanan Sekolah tidak digunakan semasa membuat perolehan bagi 17 baucar bayaran KWK. Didapati juga pengisian Pesanan Sekolah tidak lengkap dengan amaun dan perihak item.

Perakuan pembekal di borang Pesanan Sekolah hendaklah dikembalikan setelah dilengkapkan oleh pembekal (Perenggan 11.5 (g) TPPKWS). Dapatkan kajian menunjukkan pesanan yang dibayar melaui Bacar Bayaran RM62.778.32 tidak dilengkapkan dengan taikh dan cap pembekal pada ruangan ‘Perakuan Mengenai Mutu’.

ii. Cek Buka Palang.

Semua cek yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan sekolah tidak boleh dibuka palang kecuali cek yang dikeluarkan bagi tujuan Panjar Wang Runcit, pembayaran agihan secara tunai dan kepada penerima yang tiada akaun bank. (Perenggan 5.9.1 dan 5.9.2 TPPKWS). Didapati satu (1) keping cek yang berjumlah RM100.00 telah dibuka palang/cek tunai (Nama atas Jawatan Pengurusna Sekolah)

iii. Pembayaran kepada penerima yang tidak sah

Pihak pengurusan sekolah tidak melaksanakan pindah peruntukan/ ganti peruntukan mata pelajaran Sivik dan Kewaganegaaan di Teras kepada mata pelajaran Sejarah di Teras berdasarkan Buku Tunai dan Akan Subsidiari sehingga akhir tahun kewangan semasa

iv. Penggaihan Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) lewat Bantuan KWAPM perlu diserahkan kepada murid yang layak dalam masa empat belas (14) hari bekerja selepas peruntukan diterima oleh pihak pengurusan sekolah. (Surat Pekeling Kewangan Bil 1/2018). Didapati piha pengurusan telah menerima peruntukan KWAPM berjumlah RM10,400.00 pada 29.03.2018 tetapi telah

diagihkan kepada murid pada tarikh 16.04.2018 iaitu tidak dalam tempoh 14 hari waran peruntukan diterima.

v. Pengagihan Bantuan Pakaian Seragam (BPS) lewat

Didapati pihak pengurusan sekolah telah menerima peruntukan BPS berjumlah RM300.00 pada 29.03.2018 tetapi telah diagihkan kepada murid pada tarikh 19.07.2018 iaitu tidak dalam tempoh 14 hari waran peruntukan diterima ( SPK Bil 4/2012)

vi. Perolehan secara pembelian terus tanpa kajian pasaran.

Perenggan 11.1.1 (d) TPPKWS, menyatakan Pengurus Sekolah hendaklah membuat kajian pasaran supaya harga bekalan/perkhidmatan yang hendak diperolehi adalah berpatutan dan menguntungkan kerajaan di samping memastikan perolehan tidak tertumpu kepada pembekal tertentu selaras dengan prinsip-prinsip perolehan. Kaian mendapati terdapat dua (2) baucar bayaran telah tidak membuat tiga (3) kaian pasaran bagi perolehan kerana tiada maklumat tawaran dari lain-lain pembekal.

*'Saya akan pastikan bagi pembelian terus disertakan 3 Kajian Pasaran yang berbeza bila setiap kali buat perolehan bekalan/perkhidmatan'*

vii. Dokumen sokongan

Setiap baucar bayaran mestilah disertakan dengan dokumen sokongan yang asal iaitu bil/invois, pesanan sekolah atau satu pernyataan yang telah diperakui seperti kertas kerja terperinci. Kajian mendapati dokumen sokongan bagi pembayaran telah dibuat tanpa dokumen sokongan yang lengkap iaitu bayaran tanpa invois (RM43,316.80) dan bayaran tanpa dokumen atas nama jawatan guru besar bagi sumbangan duit raya, bayaran solan peperiksaan UPSR MGB dan bayaran tambahan kertas soalan UPSR MGB.

#### viii. Baucar Bayaran

TTPKWS (perenggan 5.4.3 © semua rekod kewangan diselenggara dengan lengkap, tepat dan kemaskini. Kajian mendapati maklumat empat (4) baucar bayaran tidak direkod dengan lengkap, tepat dan kemaskini iaitu ruangan Akaun Subsidiari sepatunya direkod butiran lengkap butiran peruntukan wajib, ruangan nombor kad pengenalan/ akaun bank dan alamat/ nama bank sepatutnya direkod butiran lengkap. Respond berikut jelas menunjukkan baucar bayaran tidak dilengkapkan

*'Saya akan pastikan saya tandatangan ringkas pada ruangan amaun dalam perkataan dalam baucar bayaran'*

#### e. Pengurusan Aset

Pengurusan aset merangkumi penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan, penyelenggaraan, pindahan, pelupusan dan kehilangan dan hapus kira. Kajian mendapati pihak pengurusan sekolah gagal menyelenggara dengan lengkap dan kemaskini rekod-rekod pengurusan aset seperti mana dikehendaki Pekeliling Perbendaharaan mengenai Tatacara pengurusan aset Alih Kerajaan dan garis panduan pelaksanaan. Semua dokumen tidak dikemukakan untuk tujuan pengauditan. Tiada memantauan dilakukan pengurus sekolah sekadar mengingatkan sahaja. Antara respond pengurus sekolah adalah seperti berikut:

*'Semasa mesyuarat aset saya ada mengingatkan guru-guru yang terlibat dalam pengurusan aset supaya pastikan rekod - rekod KEW.PA aset lengkap dan update. Pendaftaran aset di lokasi sedang dalam proses'*

#### f. Lain-lain

Kajian mendapati terdapat lain-lain ketidakakururan iaitu berkongsi ID dan kata laluan dalam sistem perakaunan kumpulan wang sekolah secara elektronik (eSPKWS). Berikut adalah bukti pengurus sekolah berkongsi ID dan kata laluan.

*'Saya buat permohonan kepada PPD Klang untuk dapatkan ID dan kata laluan eSPKWS dan saya kongsi dengan Kertua Pembantu Tadbir'*

Pemberian kata laluan sebagai pengurus sekolah tidak digunakan dengan sebaiknya.

## **8.2 Apakah punca-punca berlakunya ketidakakuratan terhadap prosedur kewangan di sekolah-sekolah Negeri Selangor?**

Kajian mendapati punca-punca berlakunya ketidakakuratan terhadap prosedur kewangan dapat dikelompokan kepada empat (4) sebab utama.

### **a. Kurang pengetahuan dan kemahiran tentang prosedur kewangan**

Kajian mendapati punca utama ketidakakuratan adalah kurang pengetahuan dan kemahiran tentang prosedur kewangan. Pegawai tidak terlatih/kurang pengetahuan Contohnya juru audit dalam yang dilantik tidak mengetahui tugas-tugas sebagai seorang juru audit dalam. Sebagai bukti semasa temu bual pengurus sekolah menyatakan:

*'Ada lantik juru audit dalam tapi beliau pun tak tahu nak buat apa'.*

Hasil kajian juga mendapati pengurus sekolah juga tiada kemahiran dan pengetahuan yang mendalam dalam menguruskan kewangan contohnya kenyataan berikut.

*'Bila buku tunai tak imbang kita pun tak tahu nak buat apa'*

Walau pun pekeliling berkaitan pengurusan kewangan jelas tetapi dapatan kajian menunjukkan pengurus sekolah kurang memahami terma-terma yang digunakan contohnya,

*'Saya ingat buat mesyuarat 4 kali setahun tu dah memadai memang tak perasan rupaanya perlu ikut tempoh yang ditetapkan'*

**b. Tiada penyeliaan berkesan/kurang pemantauan**

Dapatan kajian menunjukkan pemantauan terhadap isu pengurusan kewangan tidak dijalankan secara berkesan dan berkala. Pengurus sekolah didapati membuat pemantauan sekiranya ada isu. Jika tiada sebarang isu mereka beranggapan semuanya berjalan lancar sebagai contoh hasil temu bual salah seorang responden menyatakan:

‘selama ni ok je tak de pun teguran audit mana nak tahu rupanya ada beberapa perkara yang saya terlepas pandang.’

**c. Terlalu mengharapkan PT untuk laksanakan tugas**

Dapatan kajian menunjukkan terdapat pengurus sekolah yang terlalu bergantung/mengharapkan PT untuk melaksanakan tugas kewangan. Sebagai pengurus sekolah alasan kesibukan sering digunakan sebagai contoh:

‘selama ni PT buat tugas dengan baik dan sekolah dapat audit tanpa teguran. Lagipun PT kewangan saya ini cemerlang dan dah lama dilantik sebagai Jurutatih utama (JU) bagi pengurusan kewangan daerah Klang’.

Dapatan juga menunjukkan PT kewangan bertindak sebagai pengesah dalam sistem eSPKWS bagi pihak pengurus sekolah ini dibuktikan dengan kenyataan.

*Saya memang kongsi kata laluan dengan PTt.. senang kalau sy tak de dia boleh sahkan’.*

**d. Tidak jelas dengan tugas yang diamanahkan.**

Dapatan kajian menunjukkan terdapat pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan kurang jelas dengan tugas yang sepatutnya. Sebagai contoh ada yang tiada initiatif/motivasi (Sikap “Tidak Apa” atau “Janji Siap”). Kajian juga mendapati mereka tidak jelas tugas yang diamanahkan contohnya pegawai penerima sekadar

menerima barang yang dibekalkan oleh pembekal. Ini dibuktikan dengan jawapan temu bual iaitu:

*'Kita ada lantik pegawai yang akan menerima barang yang dibekalkan oleh pembekal. Biasanya mereka yang berada di pejabat akan menerima barang dan menandatangani surat/dokumen serahan.'*

## 9. PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian yang ditunjukan dalam Jadual 4 jelas menunjukan aspek kawalan pengurusan kewangan yang boleh menyebabkan audit berteguran lebih kepada masalah teknikal yang sepatutnya boleh diatasi. Kajian mendapati pengurus sekolah tidak menguasai pengetahuan dan kecekapan yang diperlukan untuk menguruskan kewangan sehingga menyerahkannya kepada kakitangan pentadbiran (Shahril @ Charil Marzuki, 2005). Selain itu, didapati terdapat juga pengurus sekolah yang memperuntukkan dana besar untuk tujuan yang salah. Banyak yang tidak konsisten dalam mengawasi catatan kewangan semasa penggunaan dana sekolah (Muhammad Faizal A. Ghani, Norfaiza Mohd Radzi & Saedah Siraj, 2013). Dengan kata lain, didapati bahawa seringkali sekolah memberikan prestasi pengendalian pendapatan, perbelanjaan, dan pengurusan aset yang kurang memuaskan. Beberapa cadangan telah diajukan oleh Muhammad Faizal A. Ghani et al. (2013) seperti autonomi yang lebih bermakna di sekolah. Walau bagaimanapun, kajian Muhammad Faizal A. Ghani et al. (2013) hanya mengkaji sekolah bertaraf Pusat tanggungjawab (PTJ). Bahkan, kajian mereka hanya melibatkan sepuluh orang pengetua terpilih sebagai responden bagi sekolah di Semenanjung Malaysia yang telah mendapat taraf PTJ selama tujuh tahun.

Sehubungan dengan itu, kawalan dalaman adalah sangat penting kepada lima buah sekolah yang dikaji. . Selain itu, kawalan dalaman juga penting untuk melindungi aset-aset di sekolah serta membolehkan proses merekod dapat dilakukan dengan tepat dan telus. Di antara bentuk kawalan dalaman yang digunakan ialah menggunakan staf yang cekap dan berpengalaman, mengamalkan pusingan kerja, pengagihan tanggungjawab, mewajibkan dokumen sokongan sebagai bukti, mengadakan semakan dalaman semasa penyediaan

baucar dan cek oleh kerani atau pengurus sekolah serta pemeriksaan ke atas Buku Tunai dan semua dokumen yang berkaitan, oleh jawatankuasa audit dalaman pada setiap hujung bulan.

Berdasarkan jadual 4 juga didapati kawalan pengurusan perbelanjaan dan bayaran merupakan ketidakakuratan yang paling banyak dilakukan. Ketidakakuratan yang berlaku lebih bersifat kecuaian seperti tidak menggunakan pesanan sekolah semasa membuat perolehan, tiada dokumen sokongan, tiada bukti kajian pasaran dilakukan bagi membelian terus, dan tidak melengkapkan dokumen dengan maklumat yang diperlukan. Aspek kawalan pengurusan, kawalan penyata kewangan, kawalan pengurusan terimaan/pungutan, pengurusan perbelanjaan dan bayaran dan pengurusan jika tidak dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuatkuasa sudah pasti memberi kesan keatas penarafan sijil audit. Justeru itu pengurus sekolah perlu memastikan segala aspek diambil kira semasa membuat pemantauan pengurusan sekolah.

## **10. KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Kajian oleh Jamri Ronggitom, (2006) yang mendapati diantara masalah-masalah dalam pengurusan kewangan termasuklah kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan pengetua dan kekurangan kerani kewangan yang mahir. Justeru itu, Pengurus Sekolah dan Pembantu Tadbir (Kewangan) perlu menghadiri kursus kewangan (AP: Pendahuluan no. 9) dalam Bahagian Akaun (2012). Kesemua sekolah yang dikaji menitikberatkan latihan untuk kakitangan yang terlibat dengan pengurusan kewangan. Ini adalah kerana latihan sangat penting untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam menguruskan rekod kewangan. Malah, latihan adalah tahap paling kritikal dalam menjadikan pelaksana mempraktikkan ilmu dan pengetahuan yang dipelajari. Sehubungan itu, dengan menghantar pembantu tadbir kewangan untuk mengikuti kursus dan bengkel pengurusan kewangan sekolah yang dianjurkan oleh pihak kementerian dari semasa ke semasa diharap dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Selain itu, kerani kewangan sekolah juga mendapat khidmat dan tunjuk ajar rakan sejawat dari sekolah lain

berhubung urusan yang berkaitan dengan pengurusan kewangan sekolah. Aspek latihan juga diambil berat dalam pengurusan kewangan untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran dan ilmu terkini dalam pengurusan kewangan khasnya dalam pengendalian perisian tertentu seperti sistem e-SPKWS yang diaplikasikan.

Amalan pengurusan kewangan yang cekap dan baik di sekolah memerlukan seorang Guru Besar atau Pengetua yang bertanggungjawab, berintergriti, dan berpengetahuan luas. Justeru itu, seorang Guru Besar atau Pengetua wajib memiliki kecekapan dan kebijaksanaan dalam setiap aspek pengurusan kewangan sekolah. Ini memudahkan tugas memantau dan menyemak rekod-rekod kewangan yang diuruskan oleh pegawai kewangan sekolah. Guru Besar dan Pengetua sekolah yang dikaji turut ada menubuhkan jawatankuasa kewangan sekolah. Masalah yang dihadapi berkaitan pengurusan kewangan sekolah yang dikenal pasti adalah seperti penghantaran barang yang tidak menepati masa dan spesifikasi ditetapkan, pembekal lewat menghantar barang yang banyak sekaligus, kesalahan merekod dan karenah birokrasi. Bagi mengelakkan kesan negatif kepada warga sekolah, cara mengatasi masalah ini memerlukan kebijaksanaan Guru Besar atau Pengetua dengan dibantu oleh Pegawai Kewangan yang dilantik dan warga sekolah seluruhnya. Walau apapun masalah yang dihadapi dalam pengurusan kewangan sekolah, kedua-dua buah sekolah dibawah pimpinan Guru Besar dan Pengetua berusaha dengan sebaiknya bagi mengatasi masalah berbangkit. Mereka juga didapati akur dengan pekeliling kewangan yang berkuatkuasa. Bagi memastikan pengurusan kewangan sekolah dapat diuruskan dengan baik, carta organisasi amatlah penting untuk disediakan. Ianya akan memudahkan pihak sekolah memantau dan memastikan setiap pihak yang bertanggungjawab memainkan peranan dalam melaksanakan tugas masing-masing. Malahan, dengan terbentuknya organisasi kewangan sebegini membolehkan pihak sekolah mempunyai rujukan dalam mengendali serta mengatasi sebarang masalah berkaitan pengurusan kewangan. Kewujudan badan kewangan sebegini akan mempertingkatkan lagi keberkesanan struktur pengurusan kewangan sekolah. Kesimpulannya, dalam melaksanakan tugas pengurusan kewangan di sekolah, pegawai kewangan atas arahan pentadbir harus akur dengan pekeliling kewangan yang berkuatkuasa agar kewibawaan sekolah tidak dipertikaikan.

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan sekolah dan tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan perlu dipertingkatkan lagi. Sehubungan itu, disaraskan agar pihak sekolah berusaha meningkatkan kawalan dan pematuhan terhadap proseder dan peraturan pengurusan kewangan sekolah. Tumpuan secukupnya juga perlu diberikan oleh pengurus sekolah supaya perkara -perkara ketidakakuratan yang diperolehi daripada kajian ini tidak berulang lagi. Adalah disyorkan agar pengurus sekolah menentukan setiap urusan bayaran hendaklah mematuhi peraturan kewangan sedia ada, melaksanakan pemantauan yang berkala terhadap urusan kewangan dan rekod serta dokumen kewangan dan latihan berterusan dan mencukupi perlu diberi kepada pegawai yang telah terlibat dalam urusan kewangan.

## 11.RUJUKAN

- A. Hamid Hussian. (2012). Amalan Pengurusan Kewangan sekolah Guru Besar Sekolah-sekolah Kebangsaan. Laporan Projek Ijazah Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Bahagian Akaun. (2012), *Tatacara Pengurusan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bertaux, D. (1981), From the life-history approach to the transformation of sociological practice.In Daniel Bertaux (Ed.), *Biography and society: The life history approach in the social sciences* (pp.29-45). London: Sage.
- Chua, Y.P. (2011), *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan*. McGrawHill Education.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2005). Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Fauzi.H, Yahya.Don, M.S Omar. F, Siti Noor. I & Abdull Sukor. S, Tahap Kefahaman Guru Besar Dalam Pengurusan Kewangan Dan Perakaunan Sekolah: Kajian Kes Di Utara Semenanjung. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018. 849-858 <http://www.unisza.edu.my/medc2018>
- Guest, G., Bunce, A. and Johnson, L. (2006), "How many interviews are enough? An experiment with data saturation and variability". *Field Methods*, **18**(1), 59-82.
- Hamzah, A. (2010). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* .6(1).
- Husaina, Ranjeetham dan Muhammad Faizal, (2015). Pengurusan Kewangan Di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Di Kuala Kangsar, Perak: Satu Kajian Kes. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, Oktober 2015, Bil. 2, Isu4.
- Jamri Ronggitom, (2006). Amalan pengurusan kewangan sekolah oleh pengetua-pengetua di sekolah-sekolah menengah daerah Tamparuli, Sabah. Masters thesis, Universiti Malaysia Sabah.

- Kamilah Mohd Arus, Shamim Samsuddin, Nur Hazyah Zawawi & Muhammad Faizal A. Ghani, (2018). Kepimpinan Guru Besar Dan Keberkesanan Pengurusan Kewangan Peruntukan Geran Perkapita Sekolah Rendah Zon Bangsar. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, April 2018, Bil 5, Isu 2.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). *Surat Pekeling Kewangan Bilangan 4 Tahun 2012*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). *Surat Pekeling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). *Surat Pekeling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2018*
- Kerajaan Malaysia (1957). *Akta Prosedur Kewangan*.
- Krejcie, R.V., dan Morgan, D.W. (1970), Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30, 607-610.
- Liamputtong, P. (2014) *Kaedah penyelidikan kualitatif*. Edisi ketiga. Diterjemahkan oleh Haliza Mohd Riji & Shamsuddin Ahmad. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press
- Marzita Abu Bakar (2010). *Kajian Keberkesanan Kursus Pengurusan Kewangan Sekolah, IAB*
- Merriam, S.B. & Tisdell, E.J. (2015). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. Foufr Edition. New York: John Wilet & Sons
- Mohd Richard Neles Abdullah, (2013). Pengurusan Kewangan Di Sekolah Kebangsaan Dan Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Kajian Kes, *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, Jilid 11, 2013
- Muhammad Faizal A. Ghani, Norfariza Mohd Radzi & Saedah Siraj (2013). *Implementing a type of financial managements in Malaysian public schools: An initial study*. Global Business and Economics Research Journal, 2(2), 29-51.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan (Edisi-2)*. Penerbit: Mc Graw Hill. Kuala Lumpur.
- Norazlinda, S. dan Surendran, S (2015), Pengurusan Kewangan Sekolah: Kepatuhan dan Ketidakpatuhan Dalam Kalangan Key Persons. Kertas Persidangan, Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Universiti Awam 2015 di UTHM, Johor.

Norfariza et al. (2013). Implementing a type of financial managements in Malaysian public schools: An initial study. *Global Business and Economics Research Journal*, 2(2), 29-51.

Rubin, H.J. & Rubin, I.S. (2011). *Qualitative interviewing: The art of hearing data*. Third Edition. London: SAGE Publications

Shahril @ Charil Marzuki. (2005). *Pengurusan kewangan di sekolah rendah dan menengah di Malaysia: Isu, masalah dan cadangan untuk mengatasinya*. *Masalah Pendidikan*, 28, 143-152.

Seidman, I. (2019). *Interviewing as qualitative research: A guide for researchers in education and social sciences*. Fifth Edition. London: Teachers College Press

Yin, R.K. (2017). *Case study research and application: Design and methods*. Sixth Edition. London: SAGE Publication



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
Institut Aminuddin Baki

**INSTITUT AMINUDDIN BAKI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**AUDIT PENGURUSAN KEWANGAN  
BERTEGURAN DI SEKOLAH-SEKOLAH  
NEGERI SELANGOR: SATU TINJAUAN**

**PENAFIAN:**

Semua maklumat yang diberikan adalah RAHSIA dan hanya digunakan bagi tujuan Kajian/Rundingcara Pengurusan Kewangan dan Pentadbiran Pejabat.

**JABATAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN  
PEJABAT**

## **Soalan Temubual**

### **A. LATAR BELAKANG**

#### **1. MAKLUMAT SEKOLAH**

1.1 Nama Sekolah: \_\_\_\_\_

1.2 Alamat Sekolah: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

1.3 Gred Sekolah: A / B

1.4 Kategori Sekolah: Bandar / Luar Bandar / Pedalaman

1.5 Pejabat Pendidikan Daerah: \_\_\_\_\_

1.6 Bilangan Murid: \_\_\_\_\_

1.7 Kumpulan Wang Sekolah yang diselenggara: **KWK / KWS / KWA / PWR**

1.8 Tahun mula menggunakan Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah secara

Elektronik (eSPKWS) : \_\_\_\_\_

#### **2. MAKLUMAT PENGURUS SEKOLAH:**

2.1 Nama: \_\_\_\_\_

2.2 Gred Jawatan: \_\_\_\_\_

- 2.3 Tahun dilantik sebagai Pengetua/Guru Besar (PGB): \_\_\_\_\_
- 2.4 Tahun mula berkhidmat sebagai PGB di sekolah sekarang: \_\_\_\_\_
- 2.5 Pernah mengikuti Kursus NPQH /NPQEL. Ya ( ) Tidak ( )
- 2.6 Kursus berkaitan pengurusan kewangan yang dihadiri dalam tempoh 3 tahun:

Bil.	Nama Kursus	Anjuran	Tahun

### 3. MAKLUMAT PEGAWAI KEWANGAN:

Bil	Maklumat	Pegawai 1	Pegawai 2	Pegawai 3

3.1	Nama			
3.2	Gred/ Jawatan			
3.3	Pengalaman mengendalikan kewangan sekolah	____ tahun	____ tahun	____ tahun
3.4	Kursus berkaitan pengurusan kewangan yang dihadiri dalam tempoh 3 tahun	Kursus 1: Tahun: _____ Anjuran: _____	Kursus 1: Tahun: _____ Anjuran: _____	Kursus 1: Tahun: _____ Anjuran: _____
		Kursus 2: Tahun: _____ Anjuran: _____	Kursus 2: Tahun: _____ Anjuran: _____	Kursus 2: Tahun: _____ Anjuran: _____
		Kursus 3: Tahun: _____ Anjuran: _____	Kursus 3: Tahun: _____ Anjuran: _____	Kursus 3: Tahun: _____ Anjuran: _____

**4. MAKLUMAT PENGURUS SEKOLAH DAN PEGAWAI KEWANGAN**

**TAHUN 2017 HINGGA 2019**

Tahun	Nama Pengurus Sekolah	Nama PembantuTadbir (Kewangan)	Catatan (Bertukar - Nama Jabatan Baharu / Bersara)
2017			
2018			
2019			

**AMALAN PENGURUSAN AM KEWANGAN**

1 Tarikh mengemukakan Penyata Kewangan kepada Pejabat Audit Sekolah.

2 Nama Juruaudit Dalaman yang membuat pemeriksaan di Buku Tunai

**[TPPKWS 2.5]**

3 Tarikh mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) pada 2018 dan 2019

**[TPPKWS 2.6]**

4 Tarikh melaksanakan Pemeriksaan Mengejut terhadap wang tunai dan setem.

**[TPPKWS 2.7]**

5 Bilangan semakan semua rekod kewangan dalam tahun semasa.

6 Tarikh terima Pemerhatian Audit dan tarikh memberi jawapan kepada pertanyaan Pemerhatian Audit.

**[TPPKWS 2.9, AP 306]**

7 Senarai pihak yang telah diberi surat kebenaran, surat penurunan kuasa dan pengagihan tugas dalam mengurus kewangan sekolah.

**[TPPKWS 2.2]**

8 Cara pengurus sekolah mendapatkan ID dan kata laluan?

9 Pegawai yang anda kongsikan kata laluan eSPKWS.

10 Senarai modul yang memerlukan pengesahan pengurus sekolah.

11 Dokumen yang perlu dicetak pada setiap bulan.

**B AMALAN PENGURUSAN TERIMAAN**

<b>1</b>	<b>PENYELENGGARAAN REKOD DAN DOKUMEN TERIMAAN</b>
a	Bezakan penyediaan resit secara manual dan secara dalam talian.  [TPPKWS 4.3.9]
b	Nyatakan bilangan helaian resit bagi setiap buku resit yang didaftarkan secara dalam talian.  [TPPKWS 4.3.10]
c	Nyatakan tindakan yang perlu diambil setelah resit dicetak.  [AP 68]
<b>2</b>	<b>PENGURUSAN PUNGUTAN – MODUL TERIMAAN, MODUL DAFTAR BIL, MODUL BAYARAN</b>
a	Nyatakan tindakan yang perlu diambil terhadap Buku Tunai Terimaan Sekolah pada setiap hujung bulan.
b	Sekiranya terdapat perubahan pada Buku Tunai yang telah disahkan oleh Pengurus Sekolah, nyatakan tindakan yang perlu diambil.
c	Sekiranya pengurus sekolah tidak mengesahkan Daftar Bil bulan sebelum, nyatakan kesannya kepada Daftar Bil bulan semasa.
d	Nyatakan kesan sekiranya pengurus sekolah tidak menyemak Laporan Bil Belum Bayar.
e	Dalam Modul Bayaran, nyatakan sama ada sebarang penambahan, pengemaskinian dan pembatalan rekod dibenarkan setelah Proses Penutupan dibuat oleh pengurus sekolah pada bulan tersebut.
f	Nyatakan tindakan yang perlu diambil oleh PT sekiranya cek rosak apabila baucar telah dikunci masuk.  (Modul Bayaran – Senarai Bayaran – Pilih No. Baucar tersebut – Klik Batal – Sedia Baucar dan Cek yg baru)
g	Nyatakan sama ada PT boleh mengunci masuk urusniaga transaksi semasa sekiranya pengurus sekolah belum membuat Pengesahan Penutupan Bulanan bulan terdahulu.  (Boleh. PT kena pastikan Buku Tunai bulan terdahulu telah dijana sebelum memulakan transaksi semasa.)

## C BUTIRAN PENARAFAN SIJIL AUDIT BERDASARKAN TAHAP PENGURUSAN KEWANGAN SEKOLAH

## **1 PENARAFAN SIJIL AUDIT TAHUN**

<b>Penyata Kewangan</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>
- Tanpa Teguran			
- Berteguran			
<b>Pengurusan Kewangan</b>			
- Cemerlang			
- Baik			
- Memuaskan			
- Kurang Memuaskan			
- Tidak Memuaskan			
- Tanpa Pendapat			

## **2 PENARAFAN SIJIL AUDIT TAHUN 2018**

**Penyata Kewangan**

- Tanpa Teguran
- Berteguran

**Pengurusan Kewangan**

- Cemerlang
- Baik
- Memuaskan
- Kurang Memuaskan
- Tidak Memuaskan
- Tanpa Pendapat

#### Punca Teguran Audit:

- ## Pengurusan am kewangan

**Nyatakan:**

---

.....

- ## Kawalan dan penyelenggaraan rekod kewangan

Nyatakan:

.....

- iii Kawalan terimaan

Nyatakan:

.....

.....

- iv Kawalan perbelanjaan

Nyatakan:

.....

v      **Pengurusan aset dan stor**

Nyatakan:

---

---

**ULASAN PEMERHATIAN :**

- i. Pengurusan Am Kewangan

---

---

---

- ii. Kawalan dan Penyelenggaraan Rekod Kewangan

---

---

---

- iii. Kawalan Terimaan

---

---

---

- iv. Kawalan Perbelanjaan

---

---

---

- v. Pengurusan Aset dan Stor

---

---

---

- vi. Lain-lain

---

---

---

## **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

---

---

---

## **NOTA**

**Aspek kawalan pengurusan kewangan yang menyebabkan audit berteguran.**

### **Punca-punca berlakunya ketidakakuratan terhadap prosedur kewangan**

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

(.....)

Nama:

Tarikh: